

23 JUL 2002

MCA-Mahathir/I

DR MAHATHIR AKAN RASMI PERHIMPUNAN AGUNG MCA SABTU INI

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Sabtu ini, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) yang lain juga akan menghadiri majlis perasmian itu.

"Semua jemputan kami dan pemimpin komponen BN serta anggota veteran parti akan hadir," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Beliau berkata 2,805 perwakilan akan menghadiri AGM itu dan akan membahaskan resolusi berkaitan dengan hal ehwal parti dan isu-isu sosial, ekonomi dan pendidikan.

Dr Ling turut ditanya mengenai langkah cabang pelaburan MCA Huaren Management Sdn Bhd (Huaren) yang menjual 23.8 peratus lagi saham dalam Nanyang Press Holdings Bhd, langkah yang akan membuatnya kehilangan kepentingan majoriti dalam syarikat akhbar Cina itu.

Beliau berkata Huaren selesa dengan kira-kira 45 peratus pegangan dalam Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang) kerana ia membantu Huaren mengurangkan pinjaman daripada kira-kira RM317 juta kepada kira-kira RM150 juta.

"Nanyang telah mengaut banyak keuntungan dan ini telah menarik pembeli untuk membeli saham," katanya.

Mengenai kenapa pembeli saham itu tidak dinamakan, Dr Ling berkata peraturan tidak memerlukan pembeli yang membeli saham kurang daripada 0.5 peratus untuk mendedahkan identitinya.

"Bagaimanapun, sekiranya pembeli membeli lebih daripada 0.5 peratus saham, semua nama mereka akan disiarkan dalam pendaftaran," katanya.

Pada 18 Julai, Huaren mengumumkan bahawa ia akan menjual 23.8 peratus saham dalam Nanyang melalui PB securities Sdn Bhd.

Tawaran itu adalah lebih besar daripada 17.59 peratus saham sebelum ini yang dijual pada Mei bagi mematuhi syarat 25 peratus minimum apungan awam. Tiada pembeli dikenal pasti dalam pengumuman itu.

Tahun lepas, Huaren membelanjakan kira-kira RM317 bagi memperolehi 93.2 peratus saham dalam Nanyang, termasuk 73.2 peratus saham yang dikawal oleh Hume Industries (M) Bhd.

-- BERNAMA

AT RZS RHM